

Kempen "Pay With CIMB Cards" Terma-Terma dan Syarat-Syarat

1. Kempen "Pay With CIMB Cards" ("**Kempen**") adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) ("**CIMB Bank**") dan CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) ("**CIMB Islamic**"). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic akan di sini secara kolektif dirujuk sebagai ("**CIMB**").

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari 15^{hb} Julai 2019 – 14^{hb} Oktober 2019, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**").
3. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu mencukupi sebanyak empat belas (14) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kriteria Kelayakan dan Pendaftaran

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pemegang kad kredit utama kad kredit (kecuali Kad Perniagaan Platinum dan Kad *Fuel Tanker*) dan/atau pemegang kad debit utama kad debit yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia, yang nombor mudah alihnya berdaftar dengan pembekal perkhidmatan telekomunikasi Maxis, Celcom, Digi atau U-Mobile dan kekal dalam rekod CIMB ("**Peserta Layak**"). Peserta Layak yang menghantar SMS dari nombor mudah alih yang tidak dikekalkan dalam rekod CIMB tidak akan layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini. Akaun kad kredit dan/atau akaun kad debit CIMB Peserta Layak selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Akaun Kad Penyertaan**".
5. Kategori orang yang berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen: -
 - i) Kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak *Kumpulan Syarikat CIMB yang terlibat secara langsung dalam anjuran Kempen ini atau Pengurusan Kanan *Kumpulan Syarikat CIMB dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau
 - ii) Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan promosi) Kumpulan Syarikat CIMB, VISA Worldwide Pte. Limited, sebuah syarikat yang berdaftar di Singapura, yang mempunyai pejabatnya di 30, Raffles Place, #10-00, Chevron House, Singapore 048622 ("**VISA**") (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya masing-masing) dan Mastercard Worldwide, sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah State of Delaware, yang mempunyai pejabat dan tempat perniagaan utamanya di 2000 Purchase Street, Purchase, New York, NY 10577-2509, United States of America ("**Mastercard**") (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya masing-masing); dan/atau
 - iii) Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Organisasi/Persatuan Kebajikan/Bukan Untung, Pelanggan Korporat dan Komersial; dan/atau
 - iv) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun bagi pemegang kad debit dan Individu di bawah umur dua puluh satu (21) tahun bagi pemegang kad kredit.

* Kumpulan Syarikat CIMB bermaksud kumpulan syarikat/entiti undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat pemegang muktamad CIMB mempunyai kepentingan yang mengawal, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau melalui subsidiari-subsidiarinya.

6. Untuk menyertai Kempen ini, Peserta Layak mesti berdaftar terlebih dahulu penyertaan mereka dalam Kempen sama ada: -
 - i) dengan membalas khidmat pesanan ringkas CIMB (“SMS”) yang dihantarkan ke nombor mudah alih mereka yang dikekalkan dalam rekod CIMB dan dengan menaip **PAY2** dan/atau **PAY3** <jarak> 6 angka terakhir nombor KP Peserta Layak dan menghantar yang sama ke 62666 semasa Tempoh Kempen; atau
 - ii) dengan menghantar SMS dengan menaip **PAY2** dan/atau **PAY3** <jarak> 6 angka terakhir nombor KP Peserta Layak dan menghantar yang sama ke 62666 semasa Tempoh Kempen dengan menggunakan nombor mudah alih yang dikekalkan dalam rekod CIMB; atau
 - iii) dengan berdaftar atas talian di www.cimbbank.com.my/pay dan/atau www.cimbislamic.com.my/ipay semasa Tempoh Kempen.
7. Peserta Layak hendaklah menanggung caj telekomunikasi piawai yang dikenakan ke setiap SMS yang dihantar.
8. Selepas pendaftaran berjaya penyertaan Peserta Layak menurut Klausula 6 di atas, Peserta Layak akan menerima: -
 - i) suatu SMS pengesahan dari CIMB sekiranya pendaftaran dilakukan melalui SMS; dan/atau
 - ii) suatu mesej pengesahan di bawah borang pendaftaran atas talian sekiranya pendaftaran dilakukan melalui atas talian.
9. Sekiranya suatu pendaftaran SMS adalah tidak lengkap, suatu SMS akan dihantar ke nombor mudah alih Peserta Layak yang dikekalkan dalam rekod CIMB tanpa sebarang kos kepada Peserta Layak untuk memaklumkan kepadanya supaya berdaftar semula melalui SMS. Peserta Layak mesti memastikan bahawa beliau telah masukkan 6 angka terakhir nombor KP beliau yang betul dalam SMS.
10. Selepas pendaftaran berjaya penyertaan Peserta Layak, semua Akaun Kad Penyertaannya akan kemudiannya dikesan secara automatik untuk menjadualkan nombor penyertaan bagi Kempen. Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya Peserta Layak adalah pemegang kad utama yang dikeluarkan oleh CIMB Bank dan CIMB Islamic dan adalah layak untuk menyertai Kempen, perbelanjaan runcit Peserta Layak yang menggunakan Akaun Kad Penyertaan yang dikeluarkan oleh CIMB Bank dan CIMB Islamic akan dikumpulkan dan tidak akan dianggap secara berasingan bagi tujuan memperolehi penyertaan untuk memenangi Hadiah Bulanan dan/atau Hadiah Utama dalam Kempen.

Kriteria Penyertaan

11. Selepas pendaftaran berjaya seperti Klausula 6 di atas, Peserta Layak mesti melakukan transaksi Pengebilan Auto (“Auto Billing”) dan/atau “Card-On-File” (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula-Klausula 12 dan 13 di sini) menggunakan Akaun Kad Penyertaan mereka mengikut cara yang dijelaskan di bawah untuk memperolehi penyertaan semasa Tempoh Kempen bagi berpeluang memenangi Hadiah Bulanan dan/atau Hadiah Utama (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula-Klausula 21 hingga 26 di sini):-

Kriteria penyertaan	No. penyertaan
Setiap transaksi Pengebilan Auto (“Auto Billing”) dan/atau “Card-On-File” sedia ada (“ Transaksi Sedia Ada ”)	1 penyertaan
Setiap transaksi Pengebilan Auto (“Auto Billing”) dan/atau “Card-On-File” baru (“ Transaksi Baru ”)	5 penyertaan
Setiap transaksi “Card-On-File” dalam Boost, Touch ‘n Go e-wallet dan/atau Shopee sahaja (“ Transaksi Bonus ”)	10 penyertaan

Semua Transaksi Sedia Ada, Transaksi Baru dan Transaksi Bonus hendaklah di sini secara kolektif dirujuk sebagai ("**Transaksi Layak**").

12. Pengebilan Auto ("*Auto Billing*") adalah suatu kemudahan pembayaran yang mencajkan secara automatik pembayaran bil Peserta Layak seperti tetapi tidak terhad kepada utiliti dan/atau insurans/takaful ke atas Akaun Kad Penyertaan Peserta Layak apabila dan semasa bayaran perlu dibayar. Transaksi Pengebilan Auto ("*Auto Billing*") mestilah transaksi dan terpakai kepada Kod Kategori Perniagaan berikut ("**MCC Layak**") sahaja berdasarkan rekod CIMB:-

MCC Layak	Contoh-Contoh Peniaga
4813, 4814	Maxis, Telekom Malaysia
4899	Astro, Netflix
4900	Tenaga Nasional Berhad, Indah Water
5968	Celebrity Fitness, Fitness First
5960 & 6300	Great Eastern, Hong Leong Assurance

13. Transaksi "*Card-On-File*" adalah suatu transaksi di mana Peserta Layak membenarkan peniaga untuk menyimpan butiran Akaun Kad Penyertaan Peserta Layak dan membenarkan peniaga yang sama untuk mencajkan Akaun Kad Penyertaan Peserta Layak. Transaksi "*Card-On-File*" termasuk tetapi tidak terhad bayaran yang dipautkan dengan kad dan/atau transaksi e-wallet dan hanya terpakai terhadap MCC yang berikut berdasarkan rekod CIMB: -

MCC Layak	Contoh-Contoh Peniaga
4111	Grab
4121	Grab Taxi
4722	AGODA, KLOOK
4784	Touch 'n Go eWallet
4789	Grab Taxi
4812	Yoodo
4814	DING, XOX Mobile
4899	Netflix
5045	Easystore.com
5311	Fave Pay
5411	HonestBee, Supply Bunny
5499	Dahmakan, Foodpanda
5651	Fave
5691	Zalora
5699	Etsy.com
5734	Grab
5735	iTunes,
5812	Fave
5814	Fave
5815	Spotify
5964	Shopee
5968	Touch n' Go, Boost App
6012	BigPay
6540	Boost App, GrabPay
7278	Fave, Shopee
7298	FavePay
7399	Grab
7542	Fave
8999	Grab

14. Bagi mengelakkan keraguan, setiap Transaksi Layak hendaklah semasa Tempoh Kempen termasuk yang berikut:-
- i) Transaksi Sedia Ada hendaklah termasuk semua transaksi Pengebilan Auto (*"Auto Billing"*) dan/atau *"Card-On-File"* yang telah mencajkan Akaun Kad Penyertaan Peserta Layak 6 bulan sebelum Tempoh Kempen tanpa belanja minimum diperlukan;
 - ii) Transaksi Baru hendaklah termasuk semua transaksi Pengebilan Auto (*"Auto Billing"*) dan/atau *"Card-On-File"* yang belum lagi mencajkan Akaun Kad Penyertaan Peserta Layak 6 bulan sebelum Tempoh Kempen dan/atau Peserta Layak telah membatalkan transaksi Pengebilan Auto (*"Auto Billing"*) dan/atau *"Card-On-File"* mereka melebihi enam (6) bulan dari tarikh transaksi Pengebilan Auto (*"Auto Billing"*) dan/atau *"Card-On-File"* baru mereka mencajkan pada Akaun Kad Penyertaan mereka tanpa belanja minimum diperlukan;
 - iii) Transaksi Bonus hendaklah termasuk semua transaksi *"Card-On-File"* sedia ada dan/atau baru dalam Boost, Touch 'n Go e-wallet dan/atau Shopee sahaja tanpa belanja minimum diperlukan.
15. Transaksi Layak bagi Kempen hendaklah termasuk transaksi Pengebilan Auto (*"Auto Billing"*) dan/atau *"Card-On-File"* mata wang tempatan dan/atau asing yang mencaj mana-mana Akaun Kad Penyertaan Peserta Layak semasa Tempoh Kempen. Bagi mengelakkan keraguan, transaksi berikut adalah di sini secara nyata dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak di bawah Kempen ini:-
- i) Transaksi yang tidak terjatuh di bawah Transaksi Layak seperti yang dinyatakan di bawah Klausula 11 hingga 13;
 - ii) Transaksi yang dilakukan pada Kad Perniagaan Platinum dan Kad *Fuel Tanker* CIMB;
 - iii) Transaksi Tunai Kuasi – (contohnya: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
 - iv) Transaksi pelan bayaran ansuran/ pelan bayaran mudah;
 - v) Bayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, pembayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj penipuan atau apa-apa fi, caj atau penalti lain sama ada dikenakan oleh CIMB atau selainnya; dan
 - vi) Transaksi pendahuluan/pengeluaran/deposit tunai.
 - vii) Transaksi Perbelanjaan Runcit yang kemudiannya dibatalkan, dibayar balik, dipertikaikan, tanpa kebenaran atau penipuan

Apa-apa penentuan oleh CIMB berkenaan dengan apa yang merupakan Transaksi Layak hendaklah menjadi konklusif dan tidak akan dicabar dalam apa-apa cara sekalipun melainkan ia kelihatan terlalu tidak adil atau saksama.

16. Transaksi perbelanjaan runcit mata wang asing hendaklah ditukar kepada Ringgit Malaysia (RM) bagi tujuan pengiraan perbelanjaan runcit dan hendaklah berdasarkan kadar pertukaran semasa CIMB.
17. Transaksi Layak hendaklah dikira berdasarkan jumlah perbelanjaan Akaun Kad Penyertaan yang disatukan (utama dan tambahan) Peserta Layak. Sekiranya Peserta Layak mempunyai pelbagai akaun kad kredit dan debit, Transaksi Layak yang dilakukan ke atas semua Akaun Kad Penyertaannya hendaklah disatukan dan tidak dilihat secara individu. Sila rujuk kepada contoh di bawah.

Contoh:

Akaun Kad Penyertaan Peserta Layak A mempunyai satu (1) kad kredit CIMB utama, dua (2) kad kredit CIMB tambahan dan satu (1) kad debit CIMB. Semua Transaksi Layak ke atas mana-mana kad ini akan terkumpul untuk menjadualkan jumlah penyertaan layak bagi Kempen.

18. Pengesanan Transaksi Layak adalah berdasarkan pada tarikh dan/atau masa (Waktu Malaysia) seperti yang dirakam oleh rekod CIMB semasa Tempoh Kempen. Bagi Kad Debit, transaksi mestilah dipaparkan ke Akaun Kad Debit Peserta Layak dalam tiga (3) hari supaya dimasukkan ke dalam pemenuhan Transaksi Layak di bawah Kriteria Penyertaan
19. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kegagalan dan/atau kesilapan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti Transaksi Layak dan/atau pemaparan Transaksi Layak ke Akaun Kad Layak Peserta Layak oleh VISA dan/atau Mastercard, tempat peniaga dan/atau mana-mana pihak lain melainkan yang sama adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

Hadiah

20. Butiran Hadiah Bulanan dan Hadiah Utama ("**Hadiah**") adalah seperti yang ditakrifkan dalam Klausa-Klausa 21 hingga 25 di sini.

Hadiah Bulanan

21. Butiran Bulan Penyertaan, Hadiah Bulanan dan nombor pemenang Hadiah Bulanan adalah seperti yang berikut: -

Bulan Penyertaan	Hadiah Bulanan	No. Pemenang Hadiah Bulanan		Jumlah Pemenang Hadiah Bulanan
		Bahagian Pemegang Kad Kredit	Bahagian Pemegang Kad Debit	
Julai (15 Julai – 14 Ogos 2019)	Pulangan Tunai 100% ke atas semua Transaksi Layak yang dilakukan dalam Bulan Penyertaan (dihadkan pada RM500 setiap Pemenang Hadiah Bulanan)	100	33	133
Ogos (15 Ogos – 14 September 2019)	Pulangan Tunai 100% ke atas semua Transaksi Layak yang dilakukan dalam Bulan Penyertaan (dihadkan pada RM500 setiap Pemenang Hadiah Bulanan)	100	33	133
September (15 September – 14 Oktober 2019)	Pulangan Tunai 100% ke atas semua Transaksi Layak yang dilakukan dalam Bulan Penyertaan (dihadkan pada RM500 setiap Pemenang Hadiah Bulanan)	100	34	134
Jumlah		300	100	400

Bagi mengelakkan keraguan, Peserta Layak yang memegang satu kad kredit CIMB utama dan/atau kad kredit dan debit CIMB utama akan layak kepada satu daripada tiga ratus (300) Hadiah Bulanan

di bawah Bahagian Pemegang Kad Kredit. Peserta Layak yang memegang satu kad debit CIMB dan/atau kad debit dan kad kredit tambahan CIMB akan layak kepada satu daripada seratus (100) Hadiah Bulanan di bawah Bahagian Pemegang Kad Debit.

22. Peserta Layak yang layak untuk memperolehi dan mengumpul penyertaan bermula dari hari pertama setiap Bulan Penyertaan untuk berpeluang memenangi Hadiah Bulanan selagi Peserta Layak berdaftar dalam Bulan Penyertaan yang sama. Sila rujuk contoh di bawah: -

Peserta Layak	Tarikh Pendaftaran	Bulan Penyertaan Layak Kepada Hadiah Bulanan	Tempoh Pengumpulan Penyertaan Bagi Hadiah Bulanan
A	15 Julai 2019	Julai	15 Julai – 14 Ogos 2019
		Ogos	15 Ogos – 14 Sep 2019
		September	15 Sep -14 Okt 2019
B	31 Ogos 2019	Ogos	15 Ogos – 14 Sep 2019
		September	15 Sep -14 Okt 2019
C	14 Oktober 2019	September	15 Sep -14 Okt 2019

23. Peserta Layak adalah layak untuk memenangi maksimum satu (1) daripada jumlah empat ratus (400) Hadiah Bulanan sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

Hadiah Utama

24. Butiran Tempoh, Hadiah Utama dan Nombor Pemenang Hadiah Utama Sepanjang Tempoh Kempen adalah seperti yang berikut:-

Tempoh	Hadiah Utama	No. Pemenang Hadiah Utama		Jumlah Pemenang Hadiah Utama
		Bahagian Pemegang Kad Kredit	Bahagian Pemegang Kad Debit	
15 Julai – 14 Oktober 2019	<p>Pulangan Tunai 100% ke atas semua Transaksi Layak dari 15 Oktober 2019 – 14 April 2020 (dihadkan pada RM5,000 setiap Pemenang Hadiah Utama)</p> <p>DAN</p> <p>Tunai bernilai RM1,500 Dalam Boost e-wallet</p>	10	5	15

25. Peserta Layak yang layak untuk memperolehi dan mengumpul penyertaan bermula dari hari pertama Kempen untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama tanpa mengira tarikh pendaftaran dengan syarat bahawa pendaftaran adalah dilakukan dalam Tempoh Kempen. Sila rujuk contoh di bawah:-

Peserta Layak	Tarikh Pendaftaran	Tempoh Pengumpulan Penyertaan Bagi Hadiah Utama
A	15 Julai 2019	15 Julai 2019 – 14 Oktober 2019
B	14 Oktober 2019	15 Julai 2019 – 14 Oktober 2019

26. Peserta Layak adalah layak untuk memenangi maksimum satu (1) daripada jumlah lima belas (15) Hadiah Utama sahaja sepanjang Tempoh Kempen.

Proses Pemilihan Pemenang

27. Pada penamatan Tempoh Kempen, Peserta Layak akan dipilih secara rawak oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan penyertaan yang diperolehi oleh Peserta Layak semasa Tempoh Kempen, bagi Hadiah-Hadiah yang berikut: -

i) **Hadiah Bulanan**

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, sistem automatik CIMB akan menjana seratus tiga puluh tiga (133) pemenang berpotensi bagi Bulan Penyertaan Julai dan Ogos dan seratus tiga puluh empat (134) pemenang berpotensi bagi Bulan Penyertaan September yang dirujuk di bawah Klausula-Klausula 21 hingga 23 di sini berdasarkan jumlah penyertaan yang diperolehi semasa setiap Bulan Penyertaan ("**Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi**"). Suatu notifikasi SMS akan dihantar sekali kepada setiap Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi dalam tiga (3) minggu selepas penamatan setiap Bulan Penyertaan dan beliau akan diperlukan untuk menjawab satu (1) soalan dengan membalas SMS tersebut dengan jawapan yang betul dalam masa luput. Masa luput (iaitu tarikh dan masa) untuk menjawab soalan akan dinyatakan dalam SMS. Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi yang membalas SMS dengan jawapan yang betul dalam masa luput akan disahkan sebagai Pemenang Hadiah Bulanan. Sekiranya Pemenang Hadiah Bulanan Berpotensi tidak menjawab dengan betul atau tidak membalas dalam masa luput yang diberi, beliau akan dilucutkan kelayakan dan tidak akan layak untuk memenangi Hadiah Bulanan masing-masing.

ii) **Hadiah Utama**

Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, sistem automatik CIMB akan menjana suatu senarai lima belas (15) pemenang berpotensi yang dirujuk di bawah Klausula-Klausula 24 hingga 26 di sini berdasarkan jumlah penyertaan yang diperolehi sepanjang Tempoh Kempen ("**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**"). Pemenang Hadiah Utama Berpotensi akan dihubungi melalui telefon pada nombor mudah alih mereka yang dikekalkan dalam rekod CIMB dalam dua belas (12) minggu selepas penamatan Tempoh Kempen dan akan diperlukan untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul sebelum diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama masing-masing. Sekiranya cubaan pertama untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Berpotensi gagal, iaitu disebabkan sebab-sebab seperti tidak ada jawapan, nombor telefon tidak ada dalam perkhidmatan, tidak ada sambungan atau apa-apa sebab lain, dua (2) cubaan lagi akan dilakukan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut. Sekiranya cubaan ketiga (ke-3) tidak berjaya, Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut akan dilucutkan kelayakan dan tidak layak untuk memenangi Hadiah Utama masing-masing. Seorang Pemenang Hadiah Utama Berpotensi

baru akan kemudiannya dipilih semula untuk mengganti Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang dilucutkan kelayakan tersebut.

28. CIMB mempunyai budi bicara tunggal untuk menetapkan hari bekerja (Isnin-Jumaat) dan masa (9 pagi-6 petang) yang ditentukan untuk melakukan panggilan telefon kepada Pemenang Hadiah Utama Berpotensi. CIMB tidak akan bertanggungjawab bagi panggilan yang dilakukan kepada Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang (i) tidak dilengkapkan atau terputus akibat daripada apa jua sebab; (ii) tidak dijawab atau tidak diteruskan akibat daripada ketiadaan Pemenang Hadiah Utama Berpotensi pada tarikh dan masa yang ditentukan dan/atau akibat daripada apa-apa sebab lain. Ia hendaklah merupakan tanggungjawab Peserta Layak untuk memastikan nombor telefon mereka yang dibekalkan adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB sekiranya apa-apa perubahan terhadapnya telah dilakukan oleh Peserta Layak. CIMB merizabkan hak untuk merekodkan perbualan telefon ini.
29. Pada masa pemilihan pemenang Kempen, Akaun Kad Penyertaan Peserta Layak terpilih MESTI berada dalam keadaan baik dan MESTI TIDAK memungkirkan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat kad kredit dan/atau debit CIMB dan/atau perjanjian akaun atau berdelinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan jika tidak mereka akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai atau dipilih sebagai pemenang Kempen.
30. Seorang Peserta Layak adalah layak untuk memenangi maksimum satu (1) Hadiah Bulanan dan satu (1) Hadiah Utama sahaja semasa Tempoh Kempen.

Proses Pemenuhan Hadiah

31. Butiran proses pemenuhan bagi Hadiah adalah seperti yang ditakrifkan di bawah:-

- i) **Hadiah Bulanan**

Pemenang Hadiah Bulanan yang layak kepada Hadiah Bulanan akan mendapat pulangan tunai yang dikreditkan dalam tiga (3) minggu selepas penamatan Bulan Penyertaan di mana Pemenang Hadiah Bulanan disahkan sebagai pemenang. Hadiah Bulanan tidak boleh dipindahmilikkan kepada mana-mana pihak ke-3 yang lain.

Pemenang Hadiah Bulanan akan mendapat pulangan tunai yang dikreditkan berdasarkan yang berikut:-

Produk Kad	Pemenuhan Hadiah
Bahagian Pemegang Kad Kredit	Pulangan tunai akan dikreditkan ke jenis kad kredit sah tertinggi Pemenang Hadiah Bulanan
Bahagian Pemegang Kad Debit	Pulangan tunai akan dikreditkan ke akaun semasa atau simpanan CIMB bersama dengan kad debit Pemenang Hadiah Bulanan

Apa-apa penentuan oleh CIMB berkenaan dengan pengiraan dan/atau jumlah dan/atau pemenuhan Hadiah Bulanan hendaklah menjadi konklusif dan tidak akan dicabar dalam apa-apa cara sekalipun, melainkan kesilapan nyata.

ii) **Hadiah Utama**

Pemenang Hadiah Utama yang layak kepada Hadiah Utama akan mendapat pulangan tunai yang dikreditkan setiap bulan berdasarkan Transaksi Layak Pemenang Hadiah Utama dari tempoh 15 Oktober 2019 – 14 April 2020. Jumlah pulangan tunai akan dihadkan pada RM5,000 setiap Pemenang Hadiah Utama. Sekiranya jumlah Transaksi Layak Pemenang Hadiah Utama melebihi jumlah pulangan tunai sebelum 14 April 2020, pemenuhan pulangan tunai akan dianggap sebagai lengkap tanpa mengira tempoh pemenuhannya selagi had RM5,000 setiap Pemenang Hadiah Utama telah dicapai. Sekiranya jumlah Transaksi Layak Pemenang Hadiah Utama adalah kurang daripada jumlah pulangan tunai dari 15 Oktober 2019 – 14 April 2020, baki jumlah pulangan tunai tidak akan dipulangkan kepada Pemenang Hadiah Utama dalam apa cara jua. Hadiah Utama tidak boleh dipindahmilikkan kepada mana-mana pihak ke-3 yang lain.

Pemenang Hadiah Utama akan mendapat pulangan tunai yang dikreditkan berdasarkan yang berikut:-

Produk Kad	Pemenuhan Hadiah
Bahagian Pemegang Kad Kredit	Pulangan tunai akan dikreditkan ke jenis kad kredit sah tertinggi Pemenang Hadiah Utama
Bahagian Pemegang Kad Debit	Pulangan tunai akan dikreditkan ke akaun semasa atau simpanan CIMB bersama dengan kad debit Pemenang Hadiah Utama

Setiap Pemenang Hadiah Utama mesti mempunyai akaun Boost yang sah di mana butiran Pemenang Hadiah Utama (termasuk Nama Penuh, nombor KP, dan nombor mudah alih) yang dikekalkan dalam akaun Boost adalah konsisten dengan butiran yang dikekalkan dalam rekod CIMB. Pemenang Hadiah Utama mesti menaik taraf akaun Boost ke versi Premium supaya dapat menerima hadiah. Tunai bernilai RM1,500 dalam Boost e-wallet akan dikreditkan ke Boost e-wallet Pemenang Hadiah Utama oleh Boost dalam tujuh (7) hari bekerja seterusnya selepas tarikh pengumuman pemenang.

Pemenang Hadiah Utama yang tidak mempunyai akaun Boost akan diperlukan untuk berdaftar suatu akaun baru dalam tiga (3) minggu selepas penamatan Tempoh Kempen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tunai bernilai RM1,500 dalam Boost e-wallet dilucuthakkan dan/atau tidak didepositkan kepada pemenang Hadiah Utama. Tunai bernilai RM1,500 dalam Boost e-wallet tidak boleh dipindahmilikkan kepada mana-mana pihak ke-3 yang lain.

32. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang Hadiah Utama memberi kuasa dan kebenaran mereka kepada CIMB untuk mendedahkan nama, nombor kad pendaftaran kad pengenalan ("KP") dan butiran lain mereka ("Data Peribadi") kepada Axiata Digital Ecode Sdn Bhd (No. Syarikat 1214970-T) untuk mengumpul, mengguna, memproses bagi tujuan mengkreditkan tunai Hadiah Utama bernilai RM 1,500 ke dalam Boost e-wallet mereka. Pemenang Hadiah Utama mesti memberi kuasa mereka seperti yang dinyatakan dalam borang kebenaran supaya tunai bernilai RM 1,500 dapat dikreditkan ke dalam Boost e-wallet Pemenang Hadiah Utama.
33. Boost adalah aplikasi e-wallet yang didaftarkan oleh Axiata Digital Ecode Sdn Bhd (No. Syarikat 1214970-T).

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

34. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma & Syarat-Syarat ini serta memberi kuasa kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimbbank.com.my dan/atau www.cimbislamic.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan dan penentuan Pemenang, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.
35. Akaun Kad Penyertaan Peserta Layak (i) MESTI tidak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Akaun Kad Penyertaan yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dilakukan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, berdelinkuen, dan/ atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pemenuhan Hadiah, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai dalam Kempen ini dan/atau Hadiah akan dilucutkan.
36. CIMB merizabkan hak mengikut budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkirinya atau berpotensi memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
37. CIMB merizabkan hak untuk menggantikan Hadiah dengan item lain yang mempunyai kos setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain jua kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini.
38. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa jua cara bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian apa-apa kewajibannya di sini, yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa tindakan "*act of God*" di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* di luar kawalan munasabah CIMB.
39. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak atas apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun ia timbul, berkenaan dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Peserta Layak SMS melainkan yang sama timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

40. CIMB merizabkan hak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar dan bandar kediaman mana-mana Pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa jua cara yang difikirkannya sesuai. Dengan menyertai Kempen ini, Pemenang dengan ini memberi kuasa dan bersetuju bahawa CIMB hendaklah dengan bebas menerbitkan dan/atau memaparkan bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, gambar dan bandar kediaman Pemenang tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidakpatuhan boleh menyebabkan Pemenang alternatif dipilih.
41. CIMB merizabkan hak dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk meminda (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Notifikasi kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan akan dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB dan cawangan CIMB di mana peruntukan-peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh dibekalkan dalam notis tersebut sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh notifikasi Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
42. Tiada pampasan dalam tunai atau apa jua jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh pindaan, variasi, pemadaman, penambahan atau pengubahsuaian Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
43. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis semasa lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berkenaan dengan atau terpakai terhadap Kempen atau apa-apa perkara di sini.
44. Sebarang pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan oleh Peserta Layak berhubung dengan Akaun Kad Penyertaan di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah diarahkan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perkara yang berkaitan dengan Akaun Kad Penyertaan di bawah CIMB Islamic Bank.
45. Terma-Terma dan Syarat-Syarat (yang dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 41 hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan dibaca bersama dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad CIMB semasa yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
46. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi Akaun Kad Penyertaan Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain.

47. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB secara nyata mengecualikan dan menafikan apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara tersirat atau nyata, bertulis atau lisan, terhadap semua Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab ke atas Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan yang berhubungan dengan Hadiah.
48. Hadiah adalah ditawarkan dan/atau dibekalkan semata-mata oleh penjual berkenaan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh penjual tersebut dan CIMB tidak menerima apa-apa liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, barbangkit, teladan, punitif atau gantirugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau bagaimanapun ia timbul sama ada secara kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya berkenaan dengan Hadiah, walaupun CIMB telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan sedemikian terlebih dahulu, dan semua kerosakan tersebut adalah dikecualikan secara nyata.
49. Dengan menerima atau mendapat Hadiah, Peserta Layak bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang ditanggung oleh CIMB dan sekutu-sekutunya dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen mereka masing-masing berkenaan dengan penyertaan Peserta Layak tersebut dalam Kempen atau penerimaan, penepusan atau penggunaan Hadiah. Semua risiko, kehilangan atau kerosakan yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta Layak.
50. Ia hendaklah merupakan tanggungjawab tunggal pemenang untuk memastikan nombor mudah alih dan/atau alamat emel dan/atau alamat mel mereka ("**Butiran Perhubungan**") yang dibekalkan kepada CIMB adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB sekiranya apa-apa perubahan terhadapnya telah dilakukan oleh mereka. CIMB merizabkan hak untuk melucutkan Hadiah sekiranya Butiran Perhubungan Pemenang yang dikekalkan dalam rekod CIMB adalah tidak sah dan/atau tidak dikemaskini. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pemenang ke atas apa-apa kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang mengalir daripadanya) yang dialami atau ditanggung sekiranya Butiran Perhubungan yang dikekalkan dalam rekod CIMB bukannya terkini atau tepat.
51. Bagi maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mempunyai alamat, nombor telefon dan alamat e-mel yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor telefon dan alamat e-mel lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui notifikasi kepada Peserta Layak): CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan / Tel: 603 6204 7788 / E-mel: cru@cimb.com.